



Alumni UMS Kini Jadi Pemimpin Harapan Negeri

Sempurnanya Majlis konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-16 di pentas keramat Dewan Canselor pada 22-24 November lalu menyaksikan bertambahnya jumlah graduan yang kini mencecah 42,302 orang.

Wajah-wajah ceria menyelubungi para penerima ijazah dengan ditemani ibu bapa yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan mereka sehingga bergelut sebagai alumni UMS.

Membicarakan tentang alumni, kali ini ruangan Jejak Alumni telah berkesempatan untuk menemui seorang graduan UMS yang kini menjawat jawatan penting dalam pucuk kepimpinan Negeri Kedah.

Beliau yang dimaksudkan ialah Yang Berhormat Datin Norsabrina Mohd Noor Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kulim Bandar Baharu, Kedah.

Kesempatan itu digunakan sepenuhnya untuk bertanyakan khabar dan perkembangan terkini. Beliau yang kini bergelut sebagai pemimpin rakyat di negeri Jelapang Padi itu nyata masih tidak berubah dengan kemesraan dan murah dengan senyuman.

Menyingkap mengenai pengalaman ketika berada di UMS, katanya pada ketika itu, UMS baru sahaja dibuka dan kampus tetap yang digunakan pada masa masih belum siap sepenuhnya.

"Walaupun bagaimanapun ia tidak mematahkan semangat untuk terus menamatkan pengajian dengan jayanya, malah kekurangan pada ketika itu memberikan semangat untuk terus maju," katanya.

Tambah beliau, pada ketika itu, dia serta seluruh pelajar UMS yang ada sentiasa berhubung dengan kakitangan akademik dan pengurusan bak adik beradik yang sentiasa berkerjasama erat bagi memastikan universiti terus maju ke hadapan.

"Pelbagai pengalaman yang cukup bermakna sepanjang berada di UMS, dan itulah yang telah membentuk saya sehingga berada di sini pada hari ini. Terima kasih UMS," ujarnya dengan penuh semangat.

Ketika diminta untuk menyampaikan kata-kata semangat kepada siswa sisiwi dan graduan UMS, Norsabrina berkata, para mahasiswa perlu sentiasa mengambil peluang terhadap

**"Pelbagai pengalaman yang cukup bermakna sepanjang berada di UMS, dan itulah yang telah membentuk saya sehingga berada di sini pada hari ini."
Datin Norsabrina Mohd Noor Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kulim Bandar Baharu, Kedah**

segala ilmu yang dicurahkan selain sentiasa bergiat aktif dalam aktiviti kemahasiswaan yang dianjurkan universiti bagi membentuk jati diri serta meningkatkan kemahiran insaniah.

"Saya berharap agar siswa siswi dapat terus bertekad cemerlang mengharumkan nama UMS kerana banyak sangat bukti bahawa graduan-graduan UMS adalah graduan yang cemerlang bukan sahaja di dalam negara malah hingga ke peringkat antarabangsa," ujarnya dengan senyuman manis.

Datin Norsabrina merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Biologi, Sekolah Sains dan Teknologi UMS yang kini dikenali sebagai Fakulti Sains dan Sumber Alam. UMS turut menumpang bangga atas pencapaiannya sebagai pemimpin pelapis negara yang sangat menyerlah sehingga memenangi kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kulim Bandar Baharu. Lebih membanggakan apabila beliau turut dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah atau Exco Teknologi Maklumat. Kepada Datin Norsabrina, selamat maju jaya diucapkan.